

Headline	Anugerah GIFA iktiraf Bank Islam		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Nov 2014	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	825,000
Page No	L-53	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	161 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,243
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,730



**Kuala Lumpur:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) memenangi anugerah berprestij Kes Kewangan Islam Terbaik 2014 sempena Majlis Anugerah Kewangan Islam Global (GIFA) yang berlangsung di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE), baru-baru ini.

Anugerah kepada Bank Islam dan Asian Institute of Finance itu adalah pengiktirafan terhadap amalan terbaik Bank Islam yang diketengahkan oleh Asia Institute of Finance dan usaha Pengarah Urusan Bank Islam Datuk Seri Zukri Samat dalam mentransformasikan bank terbabit sebagai salah satu pemain utama dalam industri kewangan Islam.

Zukri berkata, anugerah itu adalah pengiktirafan terhadap usaha Bank Islam dalam mengubah landskap kewangan Islam menjadi lebih baik dan penghargaan kepada semua kakitangan yang memberi kerjasama sebagai satu pasukan, sekali gus menunjukkan komitmen serta visi untuk mencapai matlamat dalam perniagaan.

"Kami amat berbesar hati kerana diiktiraf untuk kerja



kami sejak memulakan transformasi pada 2007 di mana kami mencatat kemajuan memuaskan dan ketara dalam mencapai cita-cita untuk menjadi pemimpin global dalam perbankan Islam," katanya selepas menerima anugerah itu di Dubai, baru-baru ini.

Dalam perkembangan lain, Bank Islam menerima anugerah Top Merchant Acquirer for B2C daripada Malaysian Electronic Corporation Sdn Bhd (MyClear) di mana ia adalah pengiktirafan ke atas Bank Islam yang berjaya mencatatkan pertumbuhan lebih daripada 15 peratus.